

# **POLISI CREDENTIALING & PRIVILEGING HOSPITAL TAIPING**

# POLISI CREDENTIALING & PRIVILEGING HOSPITAL TAIPING

## 1.0 TUJUAN

Untuk dijadikan panduan bagi pengurusan hospital menetapkan pemberian privileging klinikal terhadap doktor dan lain-lain anggota hospital. Polisi ini merupakan edisi kedua setelah edisi pertama pada tahun 2013 bertajuk Garis Panduan Kredentialing dan Privileging Hospital Taiping. Ia bertujuan untuk mengemaskini kandungan polisi yang telah mengalami banyak perubahan dan disesuaikan dengan pelaksanaan privileging di Hospital Taiping.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Terdapat pelbagai kaedah rawatan dan prosedur baru dalam bidang perubatan hasil perkembangan pesat dalam teknologi bidang perubatan. Pihak hospital bertanggungjawab terhadap semua perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit termasuk prosedur yang dijalankan ke atas pesakit. Bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini terhadap pesakit akibat menjalankan prosedur serta kaedah rawatan tanpa pengetahuan dan kemahiran, sistem privileging peringkat hospital diwujudkan.

Garis panduan prosedur-prosedur dalam sistem Credentialing dan Privileging di Kementerian Kesihatan Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 2001 melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah kesihatan Malaysia Bil. 1/2001. Hospital telah diarahkan untuk menubuhkan **Jawatankuasa Privileging Hospital** bagi tujuan tersebut. Pada awalnya, sistem ini hanya melibatkan pegawai perubatan pakar sahaja bagi prosedur utama (*core procedure*) dan prosedur khas (*specialised procedure*) yang ditetapkan. Seterusnya ia telah diperluaskan kepada semua anggota-anggota kesihatan yang berkhidmat di hospital termasuklah pegawai perubatan, jururawat, penolong pegawai perubatan dan anggota kesihatan bersekutu.

Pada Jun 2006, *Guidelines for Credentialing and Privileging of Nurses & Allied Health Personnel in the Ministry of health Malaysia* telah dikeluarkan. Anggota yang terlibat adalah mereka yang bertugas di bidang *Peri-operative Nursing*, Unit Penjagaan Rapi, *Ophthalmic Nursing* dan Jabatan Kecemasan dan Trauma.

Sehingga tahun 2018, aktiviti credentialing telah diperluaskan, diperkemaskinikan dan melibatkan anggota yang bertugas di *Pre-Hospital Services, Haemodialysis, Pre-Operatives care, Peritoneal Dialysis*, Perkhidmatan Anestesiologi dan Rawatan Rapi, *Endoscopy Services, General Paediatric, Neonatology, Orthopedics*, Perkhidmatan Kardiovaskular Perfusi, dan *Peri-anaesthesia Care*.

### **3.0 Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012)**

Pada 5 September 2012, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) telah menerima perkenan Diraja dan diwartakan pada 20 September 2012. Antara perkara yang termaktub dalam pindaan tersebut termasuklah pendaftaran dengan National Specialist Register (NSR) di mana subseksyen 14 (A) menyatakan bahawa "Tiada seorang pun yang namanya belum dimasukkan ke dalam Daftar boleh menjalankan amalan sebagai seorang pakar dalam bidang kepakaran itu". Semua pegawai perubatan pakar diwajibkan untuk memohon pendaftaran kepakaran bidang masing-masing daripada NSR sebelum mengamalkannya di fasiliti -fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

Implikasi daripada penguatkuasaan Akta ini adalah apabila Pegawai Perubatan KKM yang telah diwartakan sebagai Pakar oleh Jawatankuasa Khas Perubatan berdasarkan Perintan Am Kerajaan Bab F (seksyen 27), namun belum lagi berdaftar dengan NSR maka mengikut ketetapan subseksyen 14a (1) dan (2) Akta Perubatan 1971(Pindaan 2012) tersebut beliau tidak boleh mengamal sebagai Pakar. Jawatankuasa Khas Perubatan(JKP) memutuskan pada mesyuarat JKP bil 3/2015 bahawa:

- a) Pegawai yang telah diwartakan sebagai pakar oleh JKP dan berkhidmat di hospital KKM dibenarkan untuk mengamal sebagai pakar sekiranya telah diprivilege oleh pihak hospital melalui Medical Advisory Committee (MAC) atau Hospital Privileging Committee (HPC) untuk melakukan tugas-tugas pakar (iaitu melakukan prosedur kepakaran) tertentu seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan *Credentialing & Privileging in the MOH, Malaysia*.

b) Dengan ini, Pakar yang telah berdaftar dengan JKP tetapi belum berdaftar dengan NSR namun telah diprivilege oleh hospital berkenaan boleh melakukan tugas-tugas pakar (prosedur kepakaran tertentu) di hospital tersebut dan perkara ini tidak bercanggah dengan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

## **4.0 PRINSIP ASAS DAN DEFINISI**

### **4.1 *Credentialing* (Pengiktirafan)**

*Credentialing* adalah proses verikasi yang melibatkan penetapan keperluan dan penilaian kelayakkan individu untuk sesuatu status atau kepakaran berdasarkan keperluan latihan profesional dan pengalaman. Aspek kedua *credentialing* adalah melibatkan pengumpulan dan penilaian bukti kelayakan individu yang memohon. Ia diluluskan di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia.

### **4.2 Hak Keistimewaaan (Privileges)**

Terma ini digunakan untuk menggambarkan bahawa seseorang telah diberikan keizinan atau 'privileges' untuk melakukan prosedur klinikal tertentu. Ia diberikan oleh Jawatankuasa Privileging Hospital setelah pemohon menjalani latihan sepenuhnya, memenuhi taraf kelayakkan dan selesai menjalani program tertentu yang diwajibkan dengan lengkap.

### **4.3 Huraian hak keistimewaaan / Privileges**

Proses bagi menentukan prosedur diagnostik dan rawatan sesebuah hospital adalah lengkap dan mempunyai anggota untuk menyokong, latihan minimum dan pengalaman yang perlu bagi seorang pemberi jagaan kesihatan untuk menjalankan setiap prosedur dengan kompeten dan sama ada kelayakkan pemohon menepati keperluan dan membolehkannya untuk diberi kuasa menjalankan prosedur tersebut. Jawatankuasa Privileging Hospital Taiping memberikan privileging secara automatik kepada pengamal perubatan yang sudah mempunyai pendaftaran kepakaran di National Specialist Register(NSR).

Privileges klinikal adalah spesifik terhadap individu, biasanya di sebuah hospital tertentu dan tidak boleh dipindahkan ke hospital lain.

#### 4.4 Kebolehan Terkini (Current Competence)

Ia adalah penentuan setakat mana kebolehan pemberi jagaan kesihatan menjalankan tugasnya. Penelitian ini termasuk menilai latihan pegawai, pengalaman, kesihatan, kebolehan untuk berinteraksi dengan anggota yang lain, latihan berterusan, statistik pencapaian kesihatan dan kriteria lain. Ketua Jabatan berhak untuk melakukan penilaian kebolehan terkini mana-mana anggota kesihatan di bawah seliaan beliau dan mencadangkan status kompetensi pekerja kesihatan tersebut di mesyuarat jawatankuasa Credentialing dan Privileging Hospital.

#### 5.0 Struktur Organisasi Jawatankuasa C&P Hospital Taiping

Pelaksanaan privileging peringkat Hospital memerlukan komitmen daripada Pengarah Hospital dan Ketua-ketua Jabatan tertentu di bawah pentadbiran Hospital. Penubuhan Jawatankuasa Credentialing & Privileging memerlukan setiap ahli jawatankuasa yang terlibat berkhidmat di dalam Hospital Taiping. Berikut adalah struktur organisasi Hospital Taiping sejak Januari 2018:

Pengerusi	Pengarah Hospital
Setiausaha	Unit Kualiti
Ahli Jawatankuasa	Ketua Jabatan Perubatan
	Ketua Jabatan Kecemasan dan Trauma
	Ketua Jabatan Ortopedik
	Ketua Jabatan Anestesiologi
	Ketua Penyelia Jururawat Hospital
	Ketua Penyelia Hospital

Semua anggota yang terlibat akan berbincang di dalam mesyuarat jawatankuasa Credentialing & Privileging Hospital untuk memberi kelulusan privileging kepada anggota hospital. Mesyuarat Jawatankuasayang dijalankan mestilah terdiri daripada kehadiran:

- a. Sekurang-kurangnya dua ahli jawatankuasa yang terdiri daripada pengamal perubatan pakar dalam disiplin utama (core discipline)
- b. Ahli jawatankuasa tidak boleh mewakili orang lain dalam mesyuarat Jawatankuasa Privileging untuk memberi kelulusan privileging.
- c. Minimum keahlian adalah tiga (3) ahli dalam satu mesyuarat
- d. Ketua jabatan dari Hospital Negeri boleh diminta hadir untuk membincangkan kepakaran tertentu
- e. Wakil dari Jururawat atau anggota Sains Kesihatan Bersekutu boleh diminta hadir untuk membincangkan kepakaran tertentu
- f. Setiap ahli jawatankuasa yang terlibat mestilah terdiri daripada yang dilantik oleh Pengarah Kesihatan Negeri mengikut saranan Pengarah Hospital.
- g. Sekiranya seseorang ahli Jawatankuasa tersebut telah berhenti atau berpindah keluar, pelantikan ahli jawatankuasa baru boleh dibuat mengikut kesesuaian.
- h. Ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh Pengarah negeri adalah untuk selama tiga (3) tahun

#### **5.1 Tanggungjawab Jawatankuasa Privileging Hospital.**

- i. Mengenalpasti calon ahli jawatankuasa yang bersesuaian untuk menjadi sebahagian daripada Jawatankuasa Credentialing & Privileging Hospital.
- ii. Menerajui dan melaksanakan aktiviti privileging di peringkat hospital.
- iii. Merancang ke arah memperkasakan aktiviti privileging di peringkat hospital.
- iv. Mempromosi dan menyebarkan maklumat mengenai kepentingan credentialing dan privileging.
- v. Memantau dan menilai pelaksanaan dan keberkesanan program privileging di hospital
- vi. Menjalankan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau bergantung kepada permohonan privileging dari kalangan anggota hospital.

- vii. Memberi maklumbalas kepada Jabatan Kesihatan Negeri Perak mengenai isu dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti privileging
- viii. Berkongsi dan belajar daripada kes keselamatan pesakit berkaitan dengan kepentingan credentialing dan privileging.

## **6.0 PENGENALAN SISTEM PRIVILEGING HOSPITAL TAIPING**

Hospital Taiping menggunakan sistem Privileging untuk :

- i. Memberi pengiktirafan kepada status anggota sama ada Pegawai Perubatan Pakar, Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat Atau Anggota Sains Kesihatan Bersekutu.
- ii. Memastikan kebolehan klinikal dan mengenal pasti prosedur yang perlu kemahiran
- iii. Mewujudkan tanda aras atau piawaian untuk kebolehan klinikal
- iv. Mewujudkan struktur organisasi
- v. Mewujudkan dan melaksanakan proses privileging di kalangan anggota kesihatan.

### **6.1 Pengiktirafan Status Pegawai Perubatan**

Tujuan utama privileging ini adalah untuk memastikan semua pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat dan anggota kesihatan bersekutu mempunyai kualiti tugas dan menyediakan khidmat yang sesuai dan tepat. Ia dijayakan dengan menilai kompetensi klinikal dan perkhidmatan dalam hospital oleh Jawatankuasa Privileging Hospital bersesuaian dengan keperluan orang awam dengan menggunakan sumber yang perlu.

Semua pegawai perubatan wajib berdaftar dengan Malaysian Medical Council (MMC). Setiap pegawai perubatan pakar pula wajib berdaftar dengan NSR selaras dengan penguatkuasaan akta perubatan 1971(pindaan 2012) dan peraturan-peraturan 2017. Manakala bagi pegawai perubatan yang telah diwartakan pakar oleh Jawatankuasa Khas Perubatan mengikut ketetapan perintah am kerajaan, Bab F (Seksyen 27), namun belum lagi berdaftar dalam NSR perlu memohon privileging daripada Jawatankuasa Privileging Hospital.

Bermula daripada 1 Januari 2019, Hospital Taiping menetapkan supaya semua pegawai perubatan pakar baru yang melaporkan diri dan akan menjalani tempoh perwartaan hendaklah memohon Kebenaran Mengamalkan Prosedur Kepakaran terlebih dahulu sebelum mengamalkan bidang kepakaran masing-masing. Selepas tempoh 3 bulan di bawah pemantauan Ketua Jabatan, pegawai tersebut wajib memohon privileging kepakaran.

Setiap pegawai perubatan pakar yang telah berdaftar NSR akan diberikan privileging(Core Procedure)secara automatik untuk mengamalkan bidang kepakaran masing-masing di Hospital Taiping.

## **6.2 Prosedur Untuk Diprivilege**

Selain daripada teras prosedur utama(core procedure), sekiranya pegawai perubatan pakar tersebut itu memerlukan privileging untuk prosedur seperti :

- a) Prosedur invasif yang memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi
- b) Prosedur berisiko tinggi ke atas keselamatan pesakit
- c) Teknik dan teknologi baru
- d) Prosedur yang kompleks
- e) Prosedur yang boleh disalahguna

Pemilihan senarai untuk prosedur yang memerlukan privilege terletak kepada keputusan Ketua Jabatan masing-masing dan keperluan semasa. Sijil privileging daripada hospital lain juga boleh digunapakai untuk memohon privileging daripada Jawatankuasa Privileging Hospital. Prosedur untuk diprivilege ini juga terpakai kepada pegawai perubatan, jururawat, penolong pegawai perubatan dan anggota kesihatan bersekutu.

## **6.3 Proses Pemberian Privileging Dan Prosedur Terlibat**

### **6.3.1 Prosedur Permohonan Privileging Hospital Taiping**

Semua pemohon yang berkelayakkan akan diminta untuk membuat permohonan privileging kepada JK Hospital Privileging dengan mengisi borang HTPG/C&P/Form1/2019 melalui Ketua Jabatan. Setiap prosedur yang memerlukan permohonan privilege hendaklah disertakan dengan bukti kelayakan bahawa pemohon boleh melakukan prosedur tersebut tanpa sebarang masalah. Contoh



bukti kelayakan seperti buku log, sijil privileging daripada hospital terdahulu, sijil NSR dan lain-lain. Jumlah minimum latihan di dalam buku log bergantung kepada keputusan Ketua Jabatan memandangkan peluang untuk melakukan prosedur tertentu amat jarang diperolehi. Jawatankuasa Privileging Hospital Taiping mencadangkan sejumlah 5 kes untuk setiap prosedur yang ingin diprivilege.

Pegawai yang memohon tidak perlu menunggu untuk memenuhkan semua senarai prosedur yang ingin diprivilegekan. Mereka boleh menghantar permohonan privileging dengan prosedur yang sudah siap buku lognya terlebih dahulu. Sijil privileging yang dikeluarkan akan meletakkan senarai prosedur yang diberikan privileging. Senarai pindaan penambahan sebarang prosedur privileging yang dipohon kemudian akan dilampirkan jika perlu. Permohonan privileging akan dibincangkan di dalam mesyuarat JK Hospital Privileging dan permohonan yang diluluskan akan diberi surat privileging berserta prosedur yang diluluskan dengan tempoh tertentu.

### **6.3.2 Rayuan Terhadap Prosedur Privileging Yang Tidak Lulus**

Semua permohonan privileging yang ditolak boleh dibuat rayuan. Pemohon perlu memohon secara bertulis berserta alasan membuat rayuan tersebut. Rayuan perlu dibuat dalam tempoh sebulan selepas menerima keputusan penolakan oleh JK Hospital Privileging dan akan dibincangkan pada mesyuarat JK Credentialing dan Privileging yang seterusnya.

### **6.3.3 Pembaharuan Kelulusan Privileging**

Semua kelulusan privileging adalah mengikut tempoh tertentu di mana selepas tarikh tersebut, pemohon tidak lagi mempunyai kelulusan privileging berkaitan. Pemohon perlu mengemukakan permohonan untuk memperbaharui kelulusan privileging tiga bulan sebelum tamat tempoh bagi memastikan pembaharuan privileging dapat dibuat mengikut masanya.

### **6.3.4 Pemberhentian Kelulusan Privileging Sebelum Tempoh Masa**

Kelulusan pemberian privileging terbatal dengan sendirinya sekiranya :-

- i. Pemohon tidak lagi bertugas di Hospital Taiping

- ii. Pemohon telah berpindah daripada jabatan yang menjalankan prosedur yang diluluskan pada awalnya
- iii. Pemohon telah dibatalkan kelayakkan untuk menmgamal secara sah daripada segi undang-undang
- iv. Pemohon didapati oleh JK Hospital Privileging tidak layak menjalankan mprosedur berkaitan atas sebab teknikal atau keraguan daripada segi kompeten.

## 7.0 PROSES CREDENTIALING DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pada masa ini, proses kredentialing dikendalikan oleh Jawatankuasa Kredentialing kebangsaan. Prosedur untuk kredentialing adalah seperti yang disenaraikan di dalam Garis panduan Credentialing dan Privileging yang mana melibatkan jururawat dan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu.

Permohonan boleh dibuat oleh anggota yang terlibat dengan menggunakan borang-borang yang ditetapkan seperti di dalam Garis panduan. Kesemua borang-borang tersebut boleh didapati di laman web <http://www.moh.gov.my> bahagian Credentialing dan Credentialing Assistant Medical Officer & Nurses :

### **Kategori Pembantu Pegawai Perubatan, Jururawat dan Anggota Sains Kesihatan bersekutu**

Bil	Jenis borang	Catatan
1	Borang AHP 1	Memohon credentialing
2	Borang AHP 2	Untuk applicant Appraisal
3	Borang AHP 3	Untuk permohonan pembaharuan Clinical privileges
4	Borang AHP 4	Untuk Reappraisal oleh ketua jabatan bagi pembaharuan Clinical Priviliges


Semua permohonan perlu melalui Setiausaha Jawatankuasa Privileging Hospital sebelum dipanjangkan kepada Urus setia JK Credentialing Kebangsaan. Sekiranya terdapat permohonan credentialing selain daripada yang ditetapkan oleh Kementerian kesihatan Malaysia, Jawatankuasa Privileging Hospital akan memutuskan sama ada :-

- i. Memanjangkan permohonan ke Kementerian Kesihatan Malaysia untuk penyaringan atau
- ii. Meluluskan di peringkat hospital sahaja melalui pemberian privileging atau
- iii. Tidak meluluskan permohonan tersebut


## **8.0 RUJUKAN**

- i. Akta Perubatan 1971(pindaan 2012)
- ii. Guidelines for Credentialing And Privileging In The Ministry Of Health Bahagian Perkembangan Perubatan KKM Disember 2001
- iii. Guidelines for Credentialing And Privileging Of Nurses & Allied Health Personnel In The Ministry Of Health Malaysia

### PERMOHONAN PRIVILEGING UNTUK DILULUSKAN OLEH JK CREDENTIALING & PRIVILEGING HOSPITAL TAIPING



**PERMOHONAN KEBENARAN MENGAMALKAN PROSEDUR KEPAKARAN**



**HOSPITAL TAIPING**

**DEPARTMENT:** \_\_\_\_\_

**APPLICATION FOR PRIVILEGING**

I request approval for:

- Clinical Privileges
- Reprivileging
- Additional Clinical Privileges

1. Category: Specialist / Medical Officer / Staff Nurse / Medical Assistant

Other, please specify: \_\_\_\_\_

Personal Details:

Name : \_\_\_\_\_

I/C or Passport No : \_\_\_\_\_

Designation : \_\_\_\_\_

3. Current Professional Status:

Professional Qualifications:

Master/Degree/Diploma Post- basic/etc	University/Colleges	Year of Qualification

Other relevant training

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

4. Registration:

Date of Full Registration with MMC/MNC/MAB\* : \_\_\_\_\_

Date of Gazettement\*\* : \_\_\_\_\_

Full Registration No : \_\_\_\_\_

Current Annual Practising Certificate No : \_\_\_\_\_

\*MMC – Malaysian Medical Council; MNC – Malaysian Nursing Council; MAB – Medical Assistant Board

\*\*applicable for Clinical Specialist only

I request approval for the Clinical Privileges indicated below.

a. Core Privileges (Broad area, e.g Medicine)

\_\_\_\_\_

b. Special Privileges in (area)\_\_\_\_\_

c. Others \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

(attached a separate sheet if necessary and please submit logbook, NSR certificate, or previous privileging certificate from another hospital if available)

I certify that the information provided on this application is complete and accurate

\_\_\_\_\_  
Signature of applicant

\_\_\_\_\_  
Date

Comment by Head of Department:

I have reviewed the competency of this applicant and recommend approval/disapproval for privileging in the above procedures.

(If disapproved, state reason)

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Signature & Official Stamp  
Head of Department

\_\_\_\_\_  
Date

**Decision by Hospital Privileging Committee**

Approved: YES/NO

2 years of privileging (New)

3 years of privileging

Comment:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Member  
Hospital Privileging Committee

\_\_\_\_\_  
Chairperson  
Hospital Privileging Committee

Date:

Date:

**HOSPITAL TAIPING****JABATAN** \_\_\_\_\_**BORANG PERMOHONAN KEBENARAN MENGAMALKAN PROSEDUR KEPAKARAN**

Borang ini diisi oleh Pegawai Perubatan Pakar baru yang menjalani latihan kepakaran di Hospital Taiping sebelum berdaftar dengan NSR dan belum lagi diberikan privilege.

1. Nama Penuh Pemohon : \_\_\_\_\_

2. Tarikh Melaporkan Diri di Hospital Taiping: \_\_\_\_\_

3. No Telefon : \_\_\_\_\_ 4. Alamat Emel \_\_\_\_\_

5. Saya memohon kebenaran untuk melakukan prosedur-prosedur di dalam:

a. Teras Utama Prosedur (contoh Perubatan, Pembedahan)

\_\_\_\_\_

b. Prosedur Khas

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

( sila buat lampiran jika perlu)

6. Pengalaman Bekerja:

TEMPAT BEKERJA	TEMPOH

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua kenyataan yang diberikan di atas adalah benar. Saya akan memohon privileging daripada Jawatankuasa Privileging Hospital Taiping setelah tiga bulan bertugas sebagai doktor pakar perubatan di Hospital Taiping.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



Ketua jabatan :

Adalah ini saya \_\_\_\_\_ selaku Ketua Jabatan \_\_\_\_\_ memberi kebenaran kepada pemohon tersebut untuk melakukan prosedur kepakaran selama beliau berada di bawah pengawasan saya.

Komen ketua Jabatan:

---

---

---

\_\_\_\_\_  
Tandatangan & Cop Rasmi  
Ketua Jabatan

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pengarah  
Hospital Taiping

\_\_\_\_\_  
Tarikh